

Kesan Kenaikan Harga Barang Asas Terhadap Mahasiswa di Institut Pengajian Tinggi Swasta

NOR SHARMAINIE SHUHAIMI, NURZA MOHAMED YUSOFF, NOR ROSMAWATI
ABD KARIM & SHUHAIMI JAAFAR

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

sharminiesuhaimi@gmail.com

nurza@kuis.edu.my

norrosmawati@kuis.edu.my

shuhaimi@kuis.edu.my

ABSTRAK

Isu kenaikan harga barangan bukanlah satu fenomena yang baru berlaku pada hari ini. Ia sudah lama berlaku disebabkan oleh peningkatan taraf kehidupan sesebuah masyarakat itu sendiri. Kenaikan ini menyebabkan perbelanjaan rakyat Malaysia semakin bertambah. Kenaikan harga barangan telah memberikan kesan kepada semua orang. Antaranya ialah masalah ini akan menyebabkan kehidupan golongan mahasiswa semakin terhimpit. Oleh itu kajian ini adalah untuk mengukur hubungan perbelanjaan bulanan, perbelanjaan penginapan, dan perbelanjaan pengangkutan, terhadap pengaruh kenaikan harga barang asas ke atas mahasiswa. Kajian ini mengkaji tiga pengaruh terhadap kenaikan harga barang asas iaitu perbelanjaan bulanan, perbelanjaan penginapan, dan perbelanjaan pengangkutan. Data untuk kajian ini diperolehi daripada 265 mahasiswa di sebuah institusi pengajian tinggi swasta. Ujian kebolehpercayaan Cronbach's Alpha membuktikan semua item skala yang digunakan dalam kajian ini mencapai tahap kebolehpercayaan yang baik. Hubungan pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar diuji dengan menggunakan ujian regresi. Hasil ujian menunjukkan wujudnya hubungan positif di antara tiga kesan tersebut dengan kenaikan harga barang asas. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa perbelanjaan bulanan merupakan pembolehubah yang paling penting dalam mempengaruhi perbelanjaan kewangan mahasiswa dengan kesan kenaikan harga barang asas.

Kata Kunci: Barang Asas, Mahasiswa, Perbelanjaan

PENGENALAN

Kenaikan harga barangan makanan di peringkat global telah memberikan kesan secara langsung kepada negara-negara membangun dan rakyat negara-negara berkenaan mulai merasakan bebanan kos sara hidup yang semakin meningkat. Ini ditambah lagi dengan sikap segelintir usahawan mempunyai kuasa dalam penetapan harga akibat dari perniagaan mereka yang berada dalam struktur oligopoli membolehkan mereka memimpin harga atau berpakat dengan usahawan lain dalam membuat persetujuan harga barangan pada sesuatu masa. Usahawan dalam perniagaan ayam, tepung dan gula mempunyai kuasa pasaran dalam penetapan harga sebegini.

Pengurangan subsidi minyak dan kenaikan kos sara hidup menjadikan penduduk dari pelbagai lapisan masyarakat semakin tertekan dalam kehidupan seharian. Pergantungan barang makanan yang diimport menyebabkan inflasi yang berlaku di negara pengeluar makanan tersebut akan dipindahkan ke negara pembeli. Kesannya harga barangan makanan yang diimport semakin mahal. Wang sangat diperlukan dalam segala aspek kehidupan

seharian kita, khususnya untuk melicinkan pekerjaan dalam bidang ekonomi yang semakin kompleks di dunia moden ini. Wang memainkan peranan penting untuk membolehkan kita memenuhi sebahagian besar keperluan hidup masa kini. Tanpa wang, banyak keperluan dan perkhidmatan tidak dapat dipenuhi. Ramai orang bersetuju bahawa wang hanyalah satu perantara untuk memperoleh keselesaan dan keselamatan hidup, kebahagiaan dan kesejahteraan, selain daripada untuk memenuhi keperluan fisiologi dalam menjalani kehidupan.

Pelajar di peringkat tinggi memerlukan wang untuk menampung kos pembelajaran dan kos sara hidup di universiti. Namun begitu, kos pendidikan tinggi di institusi pendidikan awam dan swasta semakin meningkat hari demi hari. Menurut Siti Alida et.al (2006), hal ini berlaku disebabkan kesan daripada peningkatan kos, serta perubahan orientasi pendidikan dan dasar pembiayaan di peringkat tinggi. Menurut Faudziah et.al (2005), kewangan sebenarnya adalah satu seni dan sains mengurus wang manakala mengurus kewangan pula melibatkan penggunaan pelbagai teori ekonomi dan matlamat-matlamat perakaunan bagi mencapai matlamat firma dan individu.

Keperluan kewangan semasa di bangku sekolah dan di institusi pengajian tinggi amatlah berbeza. Perbelanjaan di peringkat sekolah rendah dan menengah biasanya ditanggung sepenuhnya oleh ibu bapa dan mendapat bantuan dari kerajaan. Lebih-lebih lagi kini pendidikan rendah dan menengah telah diberikan secara percuma seperti yang dinyatakan dalam Berita Harian (12 September 2007), di mana Perdana Menteri telah mengumumkan dalam bajet 2008 untuk memansuhkan yuran tahunan sekolah rendah dan menengah serta memperluaskan Skim Pinjaman Buku Teks kepada semua pelajar tanpa mengira pendapatan isi rumah dan bilangan anak yang layak.

Namun begitu, senario yang berbeza akan di alami apabila pelajar mula menjejakkan kaki ke alam universiti. Keperluan kewangan jauh lebih tinggi berbanding di alam persekolahan. Antara kos yang timbul termasuklah yuran pengajian, buku dan bahan pembelajaran, perbelanjaan makan minum, pakaian, penginapan, dan telekomunikasi.

Individu dalam memenuhi keperluan dan keinginan yang dimilikinya boleh melakukan aktiviti pembelian terhadap barang atau perkhidmatan yang sesuai sehingga keperluan dan keinginan tersebut dapat dipenuhi. Menurut Mowen (2002), perspektif pengaruh tingkah laku menganggap bahawa kekuatan persekitaran memaksa pembeli untuk melakukan pembelian tanpa perlu terlebih dahulu mewujudkan perasaan atau kepercayaan terhadap produk tersebut. Menurut perspektif ini, pembeli bukan sahaja melalui proses pengambilan keputusan, namun juga bergantung pada perasaan untuk membeli produk atau perkhidmatan tersebut. Tindakan pembelian secara langsung merupakan hasil daripada kekuatan persekitaran seperti cara promosi jualan, nilai-nilai budaya, persekitaran fizikal dan ekonomi.

Latar Belakang Kajian

Dalam era globalisasi ini, masyarakat mengalami arus perubahan yang semakin hari semakin kompleks sama ada dari segi sosio-ekonomi mahupun dari aspek sosio-budaya. Perubahan ini membawa kepada satu perubahan kepada corak pembelian kesan daripada perkembangan teknologi yang menjadikan pasaran di sesebuah negara semakin mencabar (Siti Aisyah, Ishak, 2004). Kesannya, individu dalam sesebuah masyarakat mendapati semakin sukar untuk membuat pilihan atau keputusan dalam pembelian keperluan harian mereka. Sumber kewangan yang terhad akan menyebabkan seseorang tidak dapat untuk memenuhi keperluannya dalam membuat keputusan pembelian. Boleh dikatakan setiap individu akan membuat keputusan dalam pembelian, sama ada keputusan pembelian tersebut hanya untuk membeli perkara-perkara yang asas seperti makanan atau pembelian produk dan perkhidmatan yang agak sukar seperti pemilihan produk berjenama.

Menurut Nabsiah dan Ishak (2000), pengaruh kebendaan yang menjiwai masyarakat hari ini menyebabkan aspek kajian kepenggunaan boleh dijadikan salah satu jalan penyelesaian yang terbaik bagi menyelesaikan yang terbaik bagi menyelesaikan hal-hal yang berkaitan dengan ekonomi semasa. Apa yang penting adalah kesejahteraan hidup kerana pengukuran kesejahteraan dalam konteks ekonomi moden adalah kepuasan memiliki dan menggunakan barangan dan perkhidmatan. Hal ini kerana semua bergantung kepada pengguna itu sendiri bagaimana cara mereka membuat keputusan dalam perbelanjaan mereka terhadap barangan dan perkhidmatan.

Demikian juga yang berlaku terhadap pelajar yang juga merupakan golongan pengguna yang akan mempunyai corak dalam membuat keputusan pembelian. Corak pembelian pelajar sebenarnya dapat difahami dengan melihat perubahan gaya hidup mereka di dalam kampus. Bagi seseorang pelajar, gaya hidup di kampus akan dipengaruhi oleh sumber kewangan yang mereka perolehi. Sebagai seorang pelajar, mereka belum mempunyai sumber pendapatan yang tetap dan hanya mengharapkan elaun-elaun yang diberikan untuk berbelanja.

Pada masa sekarang ini, dalam membeli suatu produk atau perkhidmatan, remaja cenderung dipengaruhi oleh pelbagai aspek seperti faktor jenama, gaya hidup, pengetahuan yang mereka miliki, kualiti sesuatu produk dan pengaruh rakan sebaya yang menjadi sebahagian daripada hidup mereka. Keadaan seperti ini yang telah menjadi kebiasaan kepada pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) sekalipun mereka belum memperoleh pendapatan sendiri. Kesemua aspek ini akan mempengaruhi bagaimana corak pembelian mereka. Dalam keadaan tertentu, corak pembelian yang melebihi daripada kemampuan sumber kewangan pelajar akan menjadi masalah kepada mereka (Endang Tri, 2004).

Kos perbelanjaan hari ini semakin meningkat dan tidak lagi dapat ditanggung sepenuhnya oleh mahasiswa. Selain dari perlu mengeluarkan wang untuk tujuan pembelajaran seperti membeli bahan ilmiah, alat tulis, dan sebagainya, pelajar juga terkesan dengan kenaikan mendadak harga barang-barang asas seperti makanan, tempat penginapan, pengangkutan, dan lain-lain lagi dewasa ini.

Kajian dari Bostanci et al. 2005, ada menyatakan bahawa masalah kewangan boleh menyebabkan pencapaian akademik mahasiswa terganggu. Selain itu, kajian menunjukkan tiga faktor utama yang boleh menyebabkan tekanan dalam kalangan mahasiswa ialah akademik, masa dan kewangan di mana kewangan merupakan faktor kedua terbesar yang menyebabkan mahasiswa tidak menyambung pelajaran di institusi pengajian tinggi (Rhys et al. 2003). Isu mengenai mahasiswa institusi pengajian tinggi pada awal tahun 2016 yang mengadu kebuluran akibat kesempitan wang menjadi topik paling hangat diperkatakan melalui laman sosial media mahupun menerusi media arus perdana. Lebih-lebih lagi masalah ini berlaku kepada penuntut Tahun Satu Sarjana Muda Psikologi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang mendakwa kesempitan hidup memaksa beliau mengikat perut sehingga ususnya tercedera.

Kenaikan kadar tol dan tambang pengangkutan terus menerus memberikan impak yang signifikan dalam kehidupan rakyat, sehingga ada yang melebihi 50 peratus menjadikan keadaan ekonomi rakyat lebih parah. Justeru, kenaikan harga minyak dilihat mampu mengubah persepsi pengguna jalan raya terutama pelajar yang bergantung sepenuhnya kepada biasiswa mahupun pinjaman untuk beralih daripada penggunaan kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam. Menurut Mohammad Fazril Mohd Saleh, Presiden PKPIM, bahawa pihak beliau telah menerima aduan daripada para mahasiswa bahawa mereka telah menerima notis daripada pihak pentadbiran universiti tentang kenaikan harga yuran pengajian, yuran asrama, dan yuran berkaitan yang menyebabkan kos sara hidup mereka semakin meningkat, dalam satu kenyataan di Harakahdaily.

Untuk memastikan semua golongan mendapatkan pendidikan yang seimbang, maka kerajaan dan badan bukan kerajaan ada menawarkan skim pinjaman pelajaran dan juga biasiswa bagi pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Contohnya Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Namun begitu, menurut Siti Alida et.al (2007), pembiayaan kerajaan kepada para pelajar peringkat tinggi telah mengalami perubahan yang ketara semenjak sepuluh tahun yang lalu, di mana bantuan kerajaan dalam bentuk biasiswa semakin berkurangan dan digantikan dengan program pinjaman, penginapan dan perbelanjaan harian pelajar di universiti. Menteri Pendidikan Tinggi Dato Seri Idris bin Jusoh dalam kenyataannya menyebut, sebanyak RM 5,228,353.50 dan RM 15,279,291.84 daripada Tabung Kebajikan Mahasiswa dibelanjakan untuk kebajikan mahasiswa pada 2015”.

Oleh yang demikian, hal ini menunjukkan terdapat kesan yang tinggi seperti mahasiswa terpaksa menahan lapar, mencari kerja sampingan, kekurangan masa bersama rakan, dan lain-lain lagi akibat kesan kenaikan pada mahasiswa sekarang berdasarkan kajian-kajian lepas. Justeru itu, kajian ini lebih memfokuskan kepada Institusi Pengajian Tinggi (IPT) iaitu Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) untuk melihat pengaruh kenaikan harga barang asas terhadap mahasiswa.

KAJIAN LEPAS

Jika dilihat pada hari ini segelintir mahasiswa gagal untuk menguruskan kewangan mereka secara bijak kerana kurang pengetahuan terhadap pengurusan kewangan. Perkara ini disokong lagi oleh Williams (2001) yang mendapati kurangnya literasi pengurusan kewangan dalam kalangan penuntut kolej serta keputusan yang dibuat oleh mereka dalam aspek kewangan adalah sangat lemah serta boleh mengancam masa depan mereka. Kajian oleh Huston et al. (2003) juga mendapati bahawa mahasiswa yang mempunyai literasi kewangan yang tinggi diperlihatkan mempunyai risiko kekurangan wang yang rendah (Huston et. al. 2003). Terdapat banyak rungutan dan sungutan orang ramai tentang kenaikan harga barang disebabkan oleh kenaikan harga pasaran bagi minyak mentah yang mencapai harga USO 100 setong. Kenaikan ini adalah sesuatu yang sangat dijangkakan malahan Malaysia telah menambah subsidi minyak sebanyak RM 25 billion pada tahun ini sahaja. Menurut laporan Berita Harian (2 November 2007), mengatakan ada pelbagai rungutan diterima terutamanya bagi mereka yang berpendapatan kecil tambahan pula dengan naiknya harga minyak bermakna naik jugalah harga barang-barang gunaan yang lain. Kenaikan harga 'emas hitam' tersebut dikatakan sudah tidak dapat dielakkan lagi.

Perbelanjaan bulanan

Menurut Karen P.Varcoe et.al. (2005), mengatakan bahawa kurikulum memberikan kesan yang positif terhadap pengetahuan dan gelagat kewangan seperti tabiat menabung dan berbelanja. Hasil kajian mendapati pelajar memahami konsep simpanan, pelaburan, hutang, belanjawan dan mempunyai pengetahuan berkaitan asas-asas kewangan. Namun begitu, gelagat dan sikap mereka tidak melambangkan sedemikian. Di dalam kajian ini (Using a Financial Education Curriculum for teens), hanya 21% orang pelajar yang mendapat pendidikan kewangan dan percaya mereka lebih berpengetahuan berkaitan kewangan tetapi mereka tidak menyediakan belanjawan dan membuat perbandingan harga semasa membeli. Dua pertiga daripada mereka mengakui memerlukan lebih banyak pendidikan kewangan untuk membantu menguruskan wang. Lebih 90% peratus pelajar di dalam kajian ini mengakui menerima pendidikan kewangan daripada keluarga dan rakan-rakan masing berbanding daripada di sekolah.

Persepsi harga adalah suatu konstruk yang dinamik yang tidak hanya memberi kesan kepada kesanggupan membayar, tetapi juga dipengaruhi oleh faktor-faktor dalaman seperti kebiasaan jenama, kesedaran harga dan sikap serta pengalaman terdahulu (Adaval & Wyer, 2011 dan Abhijit, 1992). Harga dianggap sebagai pemboleh ubah yang paling penting dalam strategi campuran pemasaran kerana ia secara langsung dikaitkan dengan keuntungan. Kajian harga melibatkan analisis persepsi harga, kesanggupan membayar dan gelagat pembelian sebenar sebagai tiga elemen penting yang saling berkaitan dan sering dipertimbangkan dari sudut pandangan yang berbeza. Menurut kerangka tersebut, pembentukan persepsi harga pada asalnya dirangka oleh beberapa faktor seperti kepercayaan terdahulu, pengetahuan terhadap harga terdahulu, pengalaman lepas, kesedaran harga, kepekaan harga, ciri-ciri pengguna dan faktor-faktor budaya (Alba, Broniarczyk, Shimp, & Urbany 1994 dan Goldsmith, Flynn, & Kim, 2010). Kolum yang pertama merupakan latar belakang yang menyebabkan wujudnya persepsi harga yang berbeza di kalangan pengguna walaupun terdedah pada rangsangan yang sama.

Pembentukan persepsi harga dipengaruhi oleh pendedahan kepada harga rujukan (harga dalaman dan luaran), persepsi kualiti, kesedaran jenama, kesetiaan jenama, kebiasaan produk, memori harga lepas dan asimetri maklumat. Mengikut kajian lepas, persepsi harga seterusnya memberi kesan kepada kesanggupan pengguna untuk membayar. Kedua-dua persepsi harga dan kesanggupan membayar dianggap sebagai langkah berasingan dalam proses pembelian. Justeru menurut kajian lepas, kesanggupan membayar dipengaruhi oleh persepsi keadilan harga, latitud penerimaan harga (dengan itu menunjukkan bahawa pengguna sanggup menerima harga dalam julat harga yang seolah-olah mencadangkan “zon harga toleransi”), magnitud dan kekerapan pembelian, harga yang dipamerkan (cara harga dipamerkan mungkin mencetuskan kesanggupan membayar yang berbeza oleh pengguna) dan pengiklanan.

Pelajar yang mengkhusus dalam bidang perniagaan dikatakan lebih berpengetahuan mengenai kewangan peribadi jika dibandingkan dengan pelajar daripada bidang lain. Ini dibuktikan oleh Beal dan Delpachitra (2003); Chen dan Volpe (1998); Volpe, Chen & Pavlicko (1996); Peng et al. (2007) dan, Robb dan Sharpe (2009) di mana pelajar dalam bidang kewangan memperolehi skor yang lebih tinggi terhadap ujian pengetahuan kewangan yang dilakukan.

Di samping itu, Chen dan Volpe (1998); Fogarty dan MacCarthy (2006) dan, Mandell dan Klein (2009) mendapati bahawa terdapat hubungan yang positif antara literasi kewangan dengan tahun pengajian pelajar di universiti. Ini bermakna pelajar yang berada di tahun empat pengajian dikatakan mempunyai tahap literasi kewangan yang lebih baik daripada pelajar di tahun pengajian yang lain. Alasannya, mungkin pelajar tahun empat lebih terdedah dan mempunyai pengalaman yang lebih terhadap produk kewangan yang ada (Chen dan Volpe, 1998; Mandell dan Klein, 2009).

Ann et al. (2010) telah menjalankan kajian di *College of Business* dalam sebuah universiti yang terletak di Midwestern yang melibatkan 241 orang pelajar semasa kemelesetan ekonomi. Kajian dijalankan untuk mengenal pasti beban pelajar, tahap hutang, persepsi hutang antara junior dengan senior, dan faktor yang mempengaruhi tahap hutang dan perbelanjaan seperti beban kredit semester, pekerjaan, dan bantuan keluarga. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 104 orang responden mempunyai 13 hingga 15 kad kredit berdaftar dan 96 orang responden mempunyai 16 hingga 18 kad tidak berdaftar. Ini merupakan satu keadaan yang tidak baik kerana kad kredit yang banyak boleh menambah hutang bagi seseorang pelajar. Melalui kajian ini, pengkaji mendapati bahawa beban hutang pelajar semakin bertambah akibat faktor-faktor seperti penggunaan kad kredit, pinjaman, dan kekurangan ilmu pengurusan kewangan. Kajian ini juga mendapati bahawa sumber kewangan utama pelajar adalah dari bantuan keluarga, tabungan, dan pinjaman pelajar.

Corak perbelanjaan pelajar ditentukan oleh keperluan dan gaya hidup pelajar semasa mereka berada di Insituti pengajian tinggi. Kajian yang dijalankan oleh Fairus Muhamad Darus et. al. (2009), ke atas pelajar Universiti Teknologi MARA Pulau Pinang mendapati corak perbelanjaan pelajar berbeza mengikut jantina, semester dan lokasi penginapan pelajar. Hasil dapatan kajian ini mendapati terdapat perbezaan corak perbelanjaan antara lelaki dan perempuan dalam perbelanjaan yang berkaitan dengan perbelanjaan telefon, perkhidmatan, pembelian barangan dan perkhidmatan. Pelajar yang berlainan semester juga menunjukkan corak perbelanjaan yang berbeza. Lokasi penginapan turut mempengaruhi corak perbelanjaan seperti perbelanjaan penginapan, makanan, kenderaan, utiliti dan kesihatan.

Menurut Noraihan, Hasmida, dan Syaiful Baharee (2013), analisis deskriptif dan korelasi *pearson* digunakan untuk menguji hubungan antara pembolehubah gelagat kewangan pelajar. Seterusnya, analisis univariat digunakan untuk melihat perbandingan gelagat kewangan dan corak perbelanjaan antara pelajar yang pernah mengambil Kursus PA305 Pengurusan Kewangan Peribadi. Corak perbelanjaan bulanan pelajar juga dianalisa menggunakan analisis deskriptif dalam bentuk peratusan. Analisa deskriptif menunjukkan berkaitan dengan gelagat kewangan pelajar semester 6 di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. Kajian menunjukkan purata pelajar mempunyai perancangan perbelanjaan bulanan adalah 3.01. dan dapat mengenalpasti perbelanjaan harian adalah 2.91. Manakala, purata pelajar membuat perbandingan harga semasa belanja dan mengawal perbelanjaan mengikut keperluan adalah 3.30 dan 3.06.

Perbelanjaan Penginapan

Yuran pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) Malaysia di jangka naik untuk pelajar baru sesi 2015, berpunca kerana pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) sebanyak 6%. Walaupun pihak kerajaan menyangkal, namun ramai pakar ekonomi mengatakan kadar inflasi negara bakal naik selepas pelaksanaan GST pada tahun akan datang. IPTS di Malaysia juga bakal mengumumkan kadar kenaikan yuran para pelajar menjelang pelaksanaan GST pada April 2015. Ia sudah tidak boleh dielakkan lagi memandangkan kos operasi yang semakin meningkat ekoran kenaikan harga minyak pada tahun 2013 dan 2014.

Corak perbelanjaan yang diamalkan oleh pelajar-pelajar semester akhir Jabatan Perdagangan sesi Jun 2013 di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah di mana analisa menunjukkan pelajar membelanjakan kurang RM100 kesemua item kecuali makan dan minuman. Dapatan menunjukkan 78% dan 58 % daripada pelajar membelanjakan kurang RM100 keatas pengangkutan dan penginapan. Seterusnya, 62%,74%,70% dan 57 % daripada pelajar membelanjakan kurang RM100 ke atas bacaan & alat tulis, utiliti, hiburan dan simpanan. Manakala 35% pelajar membelanjakan di antara RM200 hingga RM300 ke atas perbelanjaan makanan dan minum. Menurut Nor Afizah (2009), keperluan kewangan jauh lebih tinggi daripada yang diperlukan di peringkat sekolah rendah dan menengah. Antara kos yang timbul termasuklah yuran pengajian, buku dan bahan pembelajaran, perbelanjaan makan dan minum, penginapan, perjalanan, pakaian, dan kemudahan telekomunikasi.

Perbelanjaan Pengangkutan

Selain itu, berdasarkan beberapa kajian yang telah dijalankan menunjukkan harga barang bakar (HBB) telah memberi kesan terhadap penggunaan kenderaan persendirian seperti kereta, dan pengangkutan awam. Haire dan Macheehl (2013) menganalisis hubungan secara statistik antara penumpang pengangkutan awam dan HBB. Kajian menunjukkan bahawa kenaikan HBB meningkat penggunaan transit di bandar-bandar yang berorientasikan penggunaan kereta di Amerika. Mereka menganggarkan bahawa, secara purata, kenaikan satu peratus dalam HBB meningkatkan penggunaan pengangkutan awam sebanyak 0.24%.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Currie dan Phung, mereka merumuskan kesan kenaikan HBB memberikan kesan yang besar terhadap penggunaan pengangkutan awam. Berdasarkan kajian dilakukan di Australia menunjukkan dengan berlaku peningkatan sebanyak 10% bagi HBB global akan meningkatkan penggunaan pengangkutan awam sebanyak 2.2%. Lane juga mendapati keputusan yang sama di mana peningkatan penumpang pengangkutan awam adalah 0.047% hingga 0.121% dengan kenaikan 1% HBB. Kajian terkini yang dilakukan oleh Nowak dan Savage menunjukkan peningkatan perkhidmatan bas bandar sebanyak 0.283% dengan kenaikan 1% dalam HBB. Ini menunjukkan bahawa kenaikan HBB dilihat akan meningkatkan bilangan pengguna pengangkutan awam.

Ini turut dibuktikan melalui kajian yang dilakukan oleh Novak dan Savage (2013) (*The Cross Elasticity Between Gasoline Prices and Transit Use: Evidence from Chicago*) di mana sistem pengangkutan di Amerika mengalami pertambahan penumpang pengangkutan awam tertinggi pada tahun 2008 yang direkod sejak tahun 1956 ketika dunia mengalami ketidakpastian permintaan dan penawaran minyak di pasaran antarabangsa pada tahun 2005 hingga 2008. Ini menunjukkan situasi penurunan dan kenaikan HBB memberi kesan kepada penggunaan pengangkutan awam. Situasi ini juga sama berlaku di Malaysia apabila kerajaan Malaysia mengambil tindakan dengan menstruktur semula subsidi HBB disebabkan kenaikan harga minyak global dan menyebabkan harga petrol dinaikkan kepada RM2.70 seliter pada tahun 2008 (Utusan Malaysia, 9 Julai 2008) melaporkan purata jumlah penumpang bas meningkat sebanyak 7.5% sehari manakala bagi penumpang transit aliran ringan (LRT) meningkat sebanyak 3.9% sehari.

Ini menunjukkan terdapat berlaku peralihan daripada kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam apabila berlaku kenaikan HBB. Situasi ini sangat memberi kesan kepada mahasiswa bagi menguruskan kewangan mereka dimana ketidakstabilan kos pengangkutan yang sering kali naik turun mengikut keadaan harga global. Penggunaan petrol per kapita di Malaysia telah meningkat sepanjang sedekad yang lalu dan penggunaan ini adalah lebih tinggi berbanding dengan penggunaan dalam ekonomi serantau yang lain (Jadual 1) peningkatan penggunaan ini telah menjadikan Malaysia pengimport bersih produk petroleum mentah dan bertapis pada tahun 2014.

Selain itu, kajian daripada Siti Khairizan (2017), menyatakan peningkatan harga minyak yang tinggi tersebut akan memberi kesan kepada kenaikan harga barang, terutama harga barang makanan. Bahan makanan, sama ada dalam bentuk mentah, separa proses atau siap diproses perlu diangkut dari tempat pengeluaran atau pemprosesan kepada tempat pemasaran. Kenaikan kos pengangkutan dan kos pemprosesan sudah tentu akan dipindahkan kepada pengguna dengan menaikkan harga barang akhir barang yang diangkut. Kerajaan boleh campur tangan dengan mengumumkan Dasar Kawalan Harga barangan tetapi dari segi ekonomi, dasar campur tangan tersebut akan membawa kepada herotan ekonomi dan memberi lebih banyak keburukan. Orang ramai masih gemar memandu kenderaan sendiri daripada menggunakan pengangkutan awam. Hal ini menyebabkan penggunaan bahan api terus meningkat. Penggunaan produk petroleum secara keseluruhannya telah meningkat 3.0% secara purata setiap tahun sepanjang 10 tahun yang lepas.

Jadual 1.1: Penggunaan Petrol Per Kapita bagi Sektor jalan (2000-2011)

Negara	Purata 2000-2005 (kg minyak samatara)	Purata 2006-2011 (kg minyak samatara)
Amerika Syarikat	1,2770	1,170
Jepun	347	335
Malaysia	279	294
United Kingdom	340	259

Kawasan Euro	254	191
Singapura	163	173
Korea	151	155
Thailand	81	74
Indonesia	53	71
Republic Rakyat China	31	46
Filipina	34	29
India	7	10

Sumber: World Development Indicators, World Bank

Lance et. al. (2010) telah menjalankan satu projek pengurusan kewangan bagi menilai dan meningkatkan kesedaran kepentingan pengurusan kewangan dalam kalangan pelajar-pelajar kolej dan universiti. Projek ini melibatkan 170 orang pelajar kolej di Amerika Syarikat. Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran berbelanja secara bijak dalam kalangan pelajar dan kaedah pelajar mengubah gelagat perbelanja mereka melalui kesedaran berbelanja. Melalui kajian tersebut, peningkatan kesedaran gelagat berbelanja yang bergabung dengan *Transtheoretical Model of Change* (TTM) mempunyai keputusan signifikan dalam mempengaruhi gelagat perbelanjaan mereka.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan borang soalselidik sebagai kutipan data. Populasi dalam kajian ini telah melibatkan pelajar tahun akhir seramai 850 orang dari Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan sampel kajian ini adalah 265 orang. Saiz sampel kajian pula ditentukan berdasarkan jadual penentuan saiz sampel seperti yang disyorkan oleh Krejcie & Morgan (1970). Sebanyak 265 set borang kaji selidik telah diedarkan kepada responden dan pengkaji telah mendapat kembali borang kaji selidik dalam jumlah yang sama iaitu 100%. Kesemua borang kaji selidik yang diterima dan dapat digunakan adalah sebanyak 265 (100%).

HASIL KAJIAN

Hasil kajian terdiri dari demografi kajian, analisis kebolehpercayaan, analisis deskriptif dan analisis korelasi.

Analisis Demografi Responden

Jadual 1 menunjukkan demografi responden kajian ini.

Jadual 1: Demografi Responden Kajian

Demografi	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	95	35.8
Perempuan	170	64.2
Umur		
22-23 Tahun	142	53.6
24 Tahun	123	46.4
Semester		
Semester 5-6	141	53.2
Semester 7-8	124	46.8
Status		
Bujang	251	94.7

Berkahwin	14	5.3
Kursus		
ISM Pentadbiran Perniagaan dan E-Dagang	53	20.0
ISM Perakaunan	53	20.0
ISM Komunikasi (penyiaran)	53	20.0
ISM Ekonomi dan Kewangan	53	20.0
ISM Pengurusan Sumber Manusia	53	20.0

Responden kajian ini terdiri dari 35.3% adalah lelaki manakala 64.2% pula adalah perempuan. Majoriti responden kajian adalah berumur 22-23 tahun iaitu sebanyak 53.6%. Seterusnya, responden kajian adalah dalam kalangan umur 24 tahun adalah kedua tertinggi yang meliputi sebanyak 46.4% daripada keseluruhan responden. Peratusan responden yang berada di semester 5-6 adalah mahasiswa yang tertinggi iaitu sebanyak 53.2%. Seterusnya diikuti dengan responden yang mahasiswa yang berada di semester 7-8 iaitu sebanyak 46.8%. Majoriti responden kajian telah adalah bujang iaitu sebanyak 94.7% manakala selebihnya adalah berkahwin. Responden kajian ini juga kebanyakannya mengambil semua kursus yang ditawarkan adalah sebanyak 20.0%.

Analisis Kebolehpercayaan

Analisis kebolehpercayaan bagi kesemua pembolehubah kajian ini boleh dilihat di Jadual 2. Kesemua pembolehubah menunjukkan nilai Cronbach Alpha lebih dari 0.7 menunjukkan kesemua pengukuran pembolehubah mempunyai kebolehpercayaan yang baik kecuali perbelanjaan bulanan 0.656.

Jadual 2: Analisis Kebolehpercayaan

Pembolehubah	Nilai Cronbach alpha	Bilangan Soalan
Kenaikan harga barang asas	0.766	5
Perbelanjaan Bulanan	0.656	9
Perbelanjaan Penginapan	0.730	11
Perbelanjaan Pengangkutan	0.867	8

Analisis Deskriptif

Jadual 3 di bawah menunjukkan analisis deskriptif bagi semua pembolehubah kajian.

Jadual 3: Analisis Deskriptif

Pemboleh ubah	Min	Sisihan Piawai
Kenaikan Harga Barang Asas	4.52	0.467
Perbelanjaan Bulanan	3.93	0.475
Perbelanjaan Penginapan	3.34	0.552
Perbelanjaan Pengangkutan	3.87	0.702

Berdasarkan nilai min yang dapat dilihat di jadual 3, perbelanjaan bulanan mempunyai nilai yang tertinggi daripada pemboleh ubah yang lain iaitu sebanyak 3.93. Ini menunjukkan bahawa perbelanjaan bulanan dalam kalangan mahasiswa sangat penting. Bagi perbelanjaan penginapan dan perbelanjaan pengangkutan pula mempunyai nilai min yang agak hampir 4 iaitu sebanyak 3.34 dan 3.87.

KESIMPULAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa kenaikan harga barang asas mempunyai kesan terhadap di antara perbelanjaan bulanan, perbelanjaan penginapan, dan perbelanjaan pengangkutan dalam kalangan mahasiswa di Fakulti Pengurusan Muamalah, KUIS. Oleh yang demikian, ini membuktikan bahawa model dan teori merancang dan mengawal perbelanjaan kewangan dengan kesan perbelanjaan bulanan sangat mempengaruhi mahasiswa semester tahun akhir di Fakulti Pengurusan dan Muamalah. .Dapatan kajian jelas menunjukkan kesan perbelanjaan bulanan dilihat paling mempengaruhi kenaikan harga barang asas terhadap mahasiswa di KUIS. Hasil kajian ini diharap dapat membuka mata mahasiswa agar mengambil berat akan perbelanjaan bulanan dan merancang segala perbelanjaan harian. Limitasi kajian ini adalah cuma melihat kepada beberapa kesan kenaikan harga barang asas terhadap mahasiswa IPT. Kajian akan datang mungkin boleh melihat beberapa faktor-faktor lain daripada kesan kenaikan harga barang asas. Kajian ini juga cuma melihat responden dari sebuah IPTS sahaja dan kajian akan datang dicadangkan untuk melihat responden dari IPTA yang meliputi leboh banyak program.

Rujukan

- Adaval, R., & Wyer Jr, R. S. (2011). Conscious and nonconscious comparisons with price anchors: Effects on willingness to pay for related and unrelated products. *Journal of Marketing Research*, 48(2), 355-365.
- Aisyah Abdul Rahman & Wajeeha Zulkifly (2016). Faktor Penentuan Pengurusan Kewangan: Kes Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- _____ (2014). "Dilema 2015; Pelaksanaan GST dan Kesan Kenaikan Harga Barangan dan Perkhidmatan". Akses pada 10 September 2017 dari <http://buletinonline.net/v7/index.php/dilema-2015-perlaksanaan-gst-dan-kesan-kenaikan-harga-barangan-dan-perkhidmatan/>
- Ajzen, I & Fishbein, M(1975). *Belief, Attitude. Intention and Behavior: An Introduction to Theory and Research*, Reading, MA: Addison-Wesley.
- Berita Harian, (2007). Berita Harian, 12 September 2007
- Brown, T. J., Mowen, J. C., Donavan, D. T., & Licata, J. W. (2002). The customer orientation of service workers: Personality trait effects on self-and supervisor performance ratings. *Journal of marketing research*, 39(1), 110-119.
- Bostanci, M., Ozdel, O., Oguzhanoglu, N. K., Ozdel, L., Ergin, A., Ergin, N., ... & Karadag, F. (2005). Depressive symptomatology among university students in Denizli, Turkey: prevalence and sociodemographic correlates. *Croat med J*, 46(1), 96-100.
- Ghosh, A. (1990). *Retail Management*. Chicago: Drydden Press
- Grewal, D., Krishnan, B, J., and Borin, N. (1998). The effect of store name, brand name, and price discount on consumer' evaluations and purchase intention. *Journal of retailing*. Vol. 74 (3). Pp.331-352
- Halisah Binti Hadi (2015). *Corak Pembelian dalam Kalangan Pelajar Muslim di Universiti Pendidikan Sultan Idris: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris Malaysia*
- Mohamad Fazli Sabri & Maurice MacDonald (2010). Savings Behavior and Financial Problems among College Students: The Role of Financial Literart in malaysia. *Canadian Academy of Oriental and Occidental Culture*, 6(3), 103-110
- Nor Afizah Binti Bujang (2009). *Pengurusan Kewangan Mahasiswa: Tinjauan Terhadap Pelajar Tahun 1 dan 2, Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam), Fakulti Pendidikan: Penerbit UTM*

- Nora Muda, Safinah Sharuddin, Noor Aishah Adnan. "Analisis kepentingan-prestasi dan kepuasan pelanggan terhadap perubahan harga petrol". [Journal of Quality Measurement and Analysis. Volume 7, No. 1, July 2011, Pages 141 to 151](#). Di akses pada 11 September 2017 dari <http://www.myjurnal.my/public/article-view.php?id=15298>
- Nuraini Abdullah, Mohamad Fazli Sabri, Husniyah Abdul Rahim, et.al (2013). Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna, Universiti Putra Malaysia. Malaysia. "Pengurusan Kewangan dalam Kalangan Pekerja Muda". Jurnal Pengguna Malaysia Jilid 21, No 2, 2013.
- Richard G. Netemeyer, Donald R. Lichtenstein & Nancy M. Ridgway (1993). "Price Perception and Consumer Shopping Behavior: A Field Study". *Journal of Marketing Research*. Vol.30, No.2 (May, 1993), pp234-245.
- Robb, C. A. & Sharpe, D. L. (2009). Effect of Personal Financial Knowledge on College Students' Credit Card Behavior. *Financial Counseling and Planning Education*, 20 (1), 25-43
- Siti Khairizan Farhana Binti Mohammad Jafni (2017). Kesan-Kesan Kenaikan Harga Barangan Keperluan Dan Langkah-Langkah Untuk Mengatasinya: Penerbit KIAS.
- Siti Alida Johan Abdullah & Halimah@Nasibah Ahmad. (2007). Kewangan & pelajar IPT. Kuala Lumpur: Utusan Publication Publisher & Distributors Sdn. Bhd.
- Sharifah Mamat (2011). "Literasi Kewangan Belia". Akses pada 4 September 2017 dari <file:///C:/Users/acer/Documents/tesis/edisi-i-april-2011.pdf>
- Utusan Malaysia, (2008). Utusan Malaysia, 9 Julai 2008
- Varcoe, K., Martin, A., Devitto, Z., & Go, C. (2005). Using a financial education curriculum for teens. *Journal of Financial Counseling and Planning*, 16(1).
- Zeithaml, V.A. (1998). Consumer perceptions of price, quality and value: a means-end model and synthesis of evidence. *Journal of Marketing*. Vol.52(3). Pp.48-62
- Zuraidah Zainol, Hariri Kamis & Zulkifley (2006). Modul Statistik Pengurusan Permulaan. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris